

Media Title : Harian Metro  
Headline : RM88,700 melayang ditipu 'pegawai' NSRC  
Date : 27 June 2024  
Section : Lokal  
Page : 7



---

## RM88,700 melayang ditipu 'pegawai' NSRC

**Kuantan:** Seorang jururawat kerugian RM88,700 selepas terpedaya dengan sindiket menyamar sebagai pegawai Pusat Respons Scam Kebangsaan (NSRC) dan polis.

Pemangku Ketua Polis Pahang, Datuk Noor Hissam Nordin berkata, wanita berusia 41 tahun dari Temerloh mendakwa menerima panggilan telefon daripada suspek yang menyamar sebagai pegawai NSRC pada pertengahan bulan ini.

Menurutnya, suspek memaklumkan akaun mangsa dikatakan dalam siasatan polis kerana digunakan oleh pihak sin-

diket.

"Panggilan itu kemudian disambungkan kepada individu yang menyamar sebagai pegawai polis dan mangsa didakwa turut terlibat dalam aktiviti pengubahan wang haram.

"Untuk menyelesaikan kes, 'pegawai polis' menasihatkan mangsa supaya memindahkan wang ke akaun bank diberikan.

"Akibat terlalu takut, mangsa membuat 12 transaksi ke dalam tiga akaun bank yang keseluruhannya berjumlah RM88,70," katanya.

Katanya, kes disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan.